



Please cite this article as: Sulaiman Z, Ahmad RS, Nik Hussain NH, & Mohd Noor N (2023). Kajian Tinjauan Skop: Pengetahuan, Sikap dan Praktis Penyusuan Ibu dalam Kalangan Wanita Bekerja. Jurnal Evolusi, Volume 4 Issue 2, 2023.

## KAJIAN TINJAUAN SKOP: PENGETAHUAN, SIKAP DAN PRAKTIS PENYUSUAN IBU DALAM KALANGAN WANITA BEKERJA

Zaharah Sulaiman (a), Rita Surianee Ahmad\* (b) Nik Hazlina Nik Hussain (c), Norhayati Mohd Noor (d)  
Corresponding author\*

(a) Unit Perkembangan Kesihatan Wanita, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan, Malaysia, [zaharah@usm.my](mailto:zaharah@usm.my)

(b) Jabatan Kejururawatan, Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, [ritakb@gapps.kptm.edu.my](mailto:ritakb@gapps.kptm.edu.my)

(c) Unit Perkembangan Kesihatan Wanita, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan, Malaysia, [hazlinakck@usm.my](mailto:hazlinakck@usm.my)

(d) Jabatan Perubatan Keluarga, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan, Malaysia, [hayatikk@usm.my](mailto:hayatikk@usm.my)

DOI:

Received 25 September 2023, Accepted 26 November 2023, Available online 31 November 2023

### ABSTRAK

Latar Belakang: Banyak kajian menunjukkan manfaat penyusuan susu ibu untuk bayi dan ibu, tetapi praktis penyusuan secara eksklusif masih rendah terutama dalam kalangan ibu bekerja. Pelbagai cabaran penyusuan dikenalpasti apabila ibu kembali semula untuk bekerja. Objektif: Kajian tinjauan literatur ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep dan tema mengenai pengetahuan, sikap dan amalan penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja. Kaedah: Kajian tinjauan skop dilakukan untuk mengenal pasti, mengambil dan merumuskan literatur yang berkaitan dengan topik dari Scopus, CINAHL, MEDLINE, ProQuest, Google Scholar, Pubmed, dan web of science. Kriteria pemilihan literatur terhadap penerbitan dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan pada tahun 2015 hingga Januari 2022. Pendekatan carian secara berperingkat menggunakan kerangka kajian tinjauan skop oleh Arksey dan O'Malley yang terdiri dari lima peringkat iaitu: (1) mengenal pasti soalan atau objektif kajian (2) mengenal pasti kajian yang relevan, (3) pemilihan kajian, (4) klasifikasi data, dan (5) menyusun, mengumpul dan meringkaskan hasil dapatan. Dapatan: Tujuh belas kajian memenuhi kriteria pemilihan. Praktis penyusuan disifatkan sebagai sesuatu yang mencabar kerana situasi persekitaran kerja. Ibu perlu menyesuaikan diri dengan pelbagai peranan,

### KATA KUNCI

sikap; penyusuan susu ibu; pengetahuan; praktis; wanita bekerja

Copyright: © 2023 The Author(s)

Published by Universiti Poly-Tech Malaysia

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

keeseimbangan antara peranan sebagai ibu dan kerjaya dengan tugas yang sukar. Terdapat beberapa halangan dikenalpasti setelah kembali bekerja. Kesimpulan: Banyak kajian menunjukkan dapatan yang memuaskan mengenai pengetahuan dan sikap. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam praktis penyusuan susu ibu setelah kembali bekerja perlu diberi perhatian. Kajian kualitatif dicadangkan untuk mengenalpasti cabaran penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu yang bekerja.

## 1.0 PENGENALAN

Susu ibu merupakan makanan penting yang menyediakan separuh atau lebih daripada keperluan tenaga bayi antara usia enam dan 12 bulan, dan satu pertiga dari keperluan tenaga kanak-kanak antara 12 dan 24 bulan (WHO, 2020). Kajian saintifik membuktikan bahawa susu ibu menyediakan nutrien yang optimum untuk bayi, selamat, bersih, dan mengandungi antibodi untuk menguatkan sistem pertahanan serta mengeratkan hubungan ibu dan anak (WHO, 2020). Penyusuan susu ibu juga dapat mengurangkan risiko kegemukan dan diabetes diusia remaja (WHO, 2019). Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa penyusuan susu ibu dikaitkan dengan perkembangan kecerdasan (Intelligence Quotient / IQ) yang tinggi (Horta et al., 2015). Manfaat lain yang diperolehi oleh ibu dari penyusuan secara eksklusif adalah kurangnya risiko menghidap kanser payudara dan ovari (Erica et al. 2017), serta lebih cepat kembali kepada berat badan seperti sebelum hamil (Tahir, 2019). Hal ini membuktikan bahawa penyusuan susu secara eksklusif memberi manfaat kesihatan pada ibu dan bayi.

Isu pekerjaan menjadi sebab utama mengapa ibu berkerjaya tidak menyusui bayi atau menghentikan penyusuan lebih awal. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan aduan ibu terhadap kurangnya praktis dan kekerapan penyusuan semasa bekerja (Spitzmueller et al.2016), waktu rehat yang terhad, tiada tempat atau persekitaran yang sesuai untuk memerah susu dan cuti bersalin yang pendek (Abekah-Nkrumah et al., 2020) menjadi cabaran utama penyusuan pada waktu bekerja .

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau skop dan menilai konsep yang tersedia dalam literatur lepas mengenai pengetahuan, sikap, dan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja dari tahun 2015 hingga 2021. Maklumat tinjauan ini penting untuk menilai faktor yang mempengaruhi praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja dengan mengenal pasti konsep utama dan jurang perbezaan dalam penyelidikan serta mengembangkan tema utama yang melibatkan kajian terhadap pengetahuan, sikap dan praktis mengenai penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja..

## 2.0 KAEDAH

Kajian tinjauan skop menjadi panduan dalam strategi carian pantas literatur mengenai konsep kajian berdasarkan bukti tersedia dan kajian lepas yang belum dikaji secara menyeluruh (Arksey & Malley, 2005) terhadap isu berkaitan praktis penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja. Proses carian literatur menggunakan pendekatan kerangka kajian tinjauan skop yang diperkenalkan oleh Arksey dan Malley (2005) yang terdiri dari lima peringkat iaitu: (1) mengenal pasti soalan atau objektif kajian (2) mengenal pasti kajian yang relevan, (3) pemilihan kajian, (4) klasifikasi data, dan (5) menyusun, mengumpul dan meringkaskan hasil dapatan.

### Mengenal Pasti Persoalan Kajian

Seperti tinjauan sistematik, permulaannya adalah dengan mengenalpasti persoalan kajian berkaitan dengan isu penyusuan. Persoalan dalam kajian ini adalah; apakah yang perlu diketahui daripada kajian lepas berkaitan pengetahuan sikap dan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja. Kajian ini juga meneroka faktor selain pengetahuan dan sikap ibu bekerja yang mempengaruhi praktis penyusuan susu ibu dengan mencari, memilih dan mensintesis secara sistematik berdasarkan bukti daripada kajian lepas.

Carian literatur dimulakan dengan merumuskan definisi operasi yang bersesuaian dengan konteks kajian iaitu: penyusuan, ibu bekerja, pengetahuan, sikap dan praktis. Penyusuan merujuk kepada memberi bayi susu yang dihasilkan dari payudara ibu. Ibu bekerja merujuk kepada wanita yang bekerja di luar rumah dengan majikan mengikut jadual dan waktu kerja yang

ditetapkan untuk memperoleh pendapatan. Pengetahuan merujuk kepada ilmu yang ibu ketahui mengenai penyusuan susu ibu. Sikap adalah tingkah laku yang digambarkan dari pernyataan atau pendapat ibu berkaitan tentang penyusuan. Praktis merujuk kepada perbuatan, tindakan, kelakuan ibu, atau apa yang mereka laksanakan dalam penyusuan susu ibu.

### **Mengenal Pasti Kajian yang Relevan**

Kajian yang relevan dikenalpasti melalui literatur kajian lepas yang bersesuaian untuk menjawab soalan kajian. Strategi pencarian secara sistematik melalui pengkalan data sains sosial berikut untuk mengenalpasti literatur yang sesuai: Scopus, CINAHL, MEDLINE, ProQuest, Google Scholar dan sumber lain (PsycINFO, EMN review, Social Sciences Citation Index Science Citation Index dan Conference, Proceedings Citation Index). Jangka masa pencarian bagi mendapatkan konsep ditetapkan dengan mengambil kira literatur yang diterbitkan dan dikemas kini antara tahun 2015 hingga 2022. Literatur yang diterbitkan sebelum tahun 2015 juga diambil kira tetapi hanya sebagai literatur sokongan sahaja.

Kata dan istilah sesuai, yang terdapat dalam tajuk dan teks utama digunakan sebagai panduan dalam carian literatur. Kaedah carian literatur dilakukan melalui kata kunci 'pengetahuan', 'sikap', 'praktis', 'susu ibu', 'penyusuan', 'wanita bekerja', 'ibu bekerja'. Dan operator Boolean 'OR' dan 'AND'. Semua carian dihadkan dalam Bahasa Inggeris sahaja termasuklah teks penuh dan abstrak. Senarai rujukan bagi setiap literatur utama diambil kira, dipilih dan disaring bagi mengenalpasti artikel tambahan yang sesuai dan berkaitan.

### **Pemilihan Kajian**

Literatur berkaitan yang dikenalpasti dipilih berdasarkan kriteria berikut: (1) literatur dalam teks penuh, (2) ibu bekerja menyusukan bayi dengan susu ibu, (3) hasil diukur menggunakan soal selidik dan temubual dan, (4) penerbitan penemuan penyelidikan adalah terhad kepada artikel jurnal yang diterbitkan dalam Bahasa Inggeris.

### **Klasifikasi Data**

Literatur yang telah dipilih dibaca secara keseluruhan. Data diekstrak dan diklasifikasikan mengikut templat format pengekodan data menggunakan program Excel yang mengandungi maklumat berikut: Pengarang (tahun penerbitan) dan negara kajian; metodologi (populasi, sampel, instrument, reka bentuk); objektif; konsep; hasil utama.. |

## **3.0 HASIL DAPATAN**

### **Mengumpul, Menyusun dan Meringkaskan Hasil Dapatan**

Sejumlah 455 artikel dikenalpasti. Daripada jumlah tersebut, 412 dikecualikan kerana artikel yang sama dan tidak berkaitan dengan tajuk dan abstrak. Sejumlah 43 artikel dipilih untuk semakan. Seterusnya sebanyak 27 dari artikel tersebut dikecualikan kerana gagal memenuhi kriteria. Sejumlah 16 artikel yang bersesuaian dipilih bagi kajian ini yang datanya diekstrak dan dianalisis. Rajah 1 menunjukkan strategi carian dan proses pemilihan.

### **Reka Bentuk dan Kaedah Kajian Terpilih**

Sebanyak 16 artikel yang dipilih dan dinilai kebanyakannya terdiri daripada kajian literatur kuantitatif (Aikawa et al., 2015; Al-Darweesh et al., 2016; Arabi, et al., 2018; Boralingiah et al., 2016; Chekol et al., 2017; Dun-Dery & Laar, 2016; Germain, 2017; Khaliq et al., 2017; Osibogun et al., 2018; Rebeca Alvarez et al., 2015) selain itu terdapat tiga kajian jenis kajian komparatif ( Bai et al., 2015; Elmougy et. al., 2018; Polineni et al., 2016) , dua kajian kualitatif (Abekah-Nkrumah et al., 2020; Cripe, 2017) dan satu kajian jenis campuran (Sabin et al., 2017).

Saiz sampel kajian adalah berbeza bagi kajian kuantitatif iaitu dari 84 hingga 1493 ibu bekerja; kajian komparatif adalah 214 hingga 1788 dan manakala untuk kajian kualitatif pula adalah dari 20 hingga 23 dan kajian campuran pula saiz sampel antara 214 hingga 1788. Peserta kajian untuk literatur terpilih majoritinya adalah terdiri dari wanita bekerja dari sektor kerajaan, swasta termasuklah yang bekerja dengan keluarga dikategori sebagai bekerja sendiri. Literatur yang dipilih terdiri dari kajian kuantitatif dan perbandingan ( Bai et al., 2015; Elmougy et. al., 2018; Polineni et al., 2016) menggunakan kaedah pengumpulan data menggunakan borang soal jawab berstruktur manakala soal jawab jenis separa struktur

digunakan dalam kajian jenis campuran (Sabin et al., 2017). Bagi kajian kualitatif menggunakan kaedah temubual mendalam (Abekah-Nkrumah et al., 2020) dan kombinasi pemerhatian dan temubual mendalam (Cripe, 2017).

Objektif utama kajian adalah untuk meninjau skop dan menilai konsep dari literatur lepas mengenai pengetahuan, sikap, dan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja. Oleh itu hanya satu literatur yang memberi fokus kepada konsep pengetahuan sahaja (Arabi et al., 2018); tujuh literatur menerangkan konsep praktis sahaja (Aikawa et al., 2015; Bai et al., 2015; Boralingiah et al., 2016; Cripe, 2017; Germain, 2017; Polineni et al., 2016; Rebeca; Alvarez et al., 2015), tiga literatur mengkaji konsep pengetahuan dan praktis (Abekah-Nkrumah et al., 2020; Al-Darweesh et al., 2016; Asif Khaliq et al., 2017); konsep pengetahuan dan sikap dinyatakan dalam dua literatur (Osibogun et al., 2018; Sabin et al., 2017) hanya satu literatur mengkaji konsep sikap dan praktis (Dun-Dery & Laar, 2016) dan terdapat tiga literatur yang mengkaji konsep pengetahuan, sikap dan praktis (Chekol et al., 2017; Elmougy et al., 2018).

### **Analisis tematik artikel yang dipilih**

Jadual 1 menunjukkan klasifikasi dan ekstrak data dari literatur yang dipilih. Keputusan dari analisa literatur telah mengenalpasti konsep utama serta sub konsep yang berkaitan dengan pengetahuan, sikap dan praktis. Beberapa tema baru dikenalpasti yang mempunyai kaitan dengan konsep utama.

#### **(i) Konsep pengetahuan**

Konsep pengetahuan dinyatakan dalam lapan kajian (Abekah-Nkrumah et al., 2020; Al-Darweesh et al., 2016; Arabi et al., 2018; Chekol et al., 2017; Khaliq et al., 2017; Osibogun et al., 2018; Sabin et al., 2017) yang menerangkan pengetahuan berkaitan manfaat kesihatan susu ibu kepada ibu dan bayi (Abekah-Nkrumah et al., 2020; Chekol et al., 2017; Osibogun et al., 2018; Sabin et al., 2017) membantu dalam pertumbuhan fizikal dan mental bayi dan menjadi kontraseptif semulajadi untuk menjarakkan kehamilan (Abekah-Nkrumah et al., 2020). Pengetahuan berkaitan dengan tempoh penyusuan eksklusif selama enam bulan dimana sepanjang tempoh ini tiada makanan lain diberikan selain susu ibu sahaja (Abekah-Nkrumah et al., 2020; Chekol et al., 2017; Elmougy et al., 2018; Khaliq et al., 2017).

Ibu mempunyai pengetahuan berkaitan memulakan penyusuan awal selepas kelahiran serta kekerapan memberi susu ibu mengikut kehendak bayi (Bai et al., 2015; Khaliq et al., 2017; Sabin et al., 2017). Pengetahuan lain berkaitan penyusuan susu ibu iaitu mengenai 10 langkah penyusuan berjaya (Arabi et al., 2018), kebaikan susu ibu berbanding susu formula (Al-Darweesh et al., 2016) kebaikan kolostrum dan susu perahan (Sabin et al., 2017).

#### **(ii) Konsep sikap**

Terdapat data dari enam kajian yang menerangkan konsep sikap Chekol et al., 2017; Dun-Dery & Laar, 2016; Osibogun et al., 2018; Sabin et al., 2017) yang mana dalam kajian literatur ini, sikap dikategorikan kepada sikap yang positif dan negatif terhadap penyusuan. Ibu yang mempunyai sikap positif terhadap penyusuan akan menyatakan susu ibu mengeratkan hubungan ibu dan anak (Osibogun et al., 2018). Ibu menyatakan perlunya penyusuan eksklusif dimana bayi perlu diberi hanya susu ibu dalam tempoh enam bulan, dan memulakan penyusuan pada sejam pertama kelahiran (Dun-Dery & Laar, 2016) ..

Sikap negatif ibu terhadap penyusuan pula termasuklah merasakan susu tidak mencukupi, penyusuan menyusahkan kerana banyak tugas dirumah perlu dilakukan, gagal setelah mencuba dan bimbang terhadap perubahan berat badan (Elmougy et al., 2018). Terdapat juga ibu yang berhenti penyusuan sebelum usia bayi enam bulan dan menggantikan dengan susu formula atas alasan malu, mengganggu hubungan perkahwinan dan pengaruh keluarga (Osibogun et al., 2018). Segelintir ibu menyatakan susu formula lebih mudah bagi ibu bekerja; merasa tidak selesa menyusu di tempat kerja, tempoh cuti bersalin pendek menyukarkan penyusuan susu ibu apabila kembali bekerja (Sabin et al., 2017).

### **Konsep praktis**

Konsep berkaitan praktis penyusuan eksklusif dibincangkan dalam 14 literatur yang dipilih (Abekah-Nkrumah et al., 2020; Aikawa et al., 2015; Al-Darweesh et al., 2016; Bai et al., 2015; Boralingiah et al., 2016b; Chekol et al., 2017; Cripe, 2017; Dun-Dery & Laar, 2016; Elmougy et al., 2018; Germain, 2017; Khaliq et al., 2017; Rita Surianee et al. (2022); Sabin et al.,

Copyright: © 2023 The Author(s)


Published by Universiti Poly-Tech Malaysia

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

2017) namun begitu keputusan menunjukkan penyusuan secara eksklusif masih pada tahap yang rendah. Praktis memulakan penyusuan selepas bersalin adalah lebih dari 70%, dan jumlah tersebut semakin menurun ketahap kurang 50% untuk praktis penyusuan secara eksklusif selama enam bulan (Aikawa et al., 2015; Al-Darweesh et al., 2016; Boralingiah et al., 2016; Dun-Dery & Laar, 2016; Elmougy et. al., 2018; Osibogun et al., 2018; Rebeca Alvarez et al., 2015).

Praktis penyusuan awal kelahiran dilakukan kerana ibu percaya tentang kebaikan kolostrum untuk bayi (Polineni et al., 2016). Terdapat dalam kalangan ibu bekerja yang mengamalkan penyusuan secara eksklusif selama enam bulan dan penyusuan diteruskan sehingga bayi berumur satu tahun (Polineni et al., 2016; Rebeca Alvarez et al. 2015). Selepas enam bulan penyusuan diteruskan bersama pemberian makanan pelengkap (Chekol et al., 2017). Makanan pelengkap yang diberikan seperti bubur nasi, ubi kentang, dan pisang (Chekol et al., 2017; Dun-Dery & Laar, 2016; Khaliq et al., 2017).

Seramai 32% ibu dapat seimbangkan praktis penyusuan dengan pekerjaan apabila kembali bekerja. Sewaktu bekerja ibu akan melakukan perahan susu pada waktu rehat dan pulang ke rumah setiap dua hingga jam untuk menyusukan bayi (Cripe, 2017). Terdapat sesetengah ibu mengamalkan penyusuan bayi secara berjadual (Boralingiah et al., 2016b). Ibu yang tidak mengamalkan penyusuan secara eksklusif akan memberi susu ibu dan susu formula secara bergilir (Aikawa et al., 2015; Elmougy et. al., 2018) atau memberi bayi susu formula sahaja (Aikawa et al., 2015; Al-Darweesh et al., 2016; Bai et al., 2015; Khaliq et al., 2017). Terdapat ibu yang memberi susu ibu bersama dengan air masak (Dun-Dery & Laar, 2016). Sokongan dari keluarga dan ahli kesihatan diperlukan untuk ibu meneruskan penyusuan setelah kembali bekerja (Rita Surianee et al., 2022)



Rajah 1: Carta alir carian dan proses pemilihan literatur

#### 4.0 PERBINCANGAN

Kajian tinjauan skop ini merangkumi literatur berkaitan dengan pengetahuan, sikap dan praktis ibu mengenai penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja dari pelbagai negara. Beberapa penemuan baru atau jurang dikenalpasti berkaitan

kajian yang melibatkan pengetahuan, sikap dan praktis penyusuan susu ibu yang memerlukan lebih banyak penyelidikan untuk meneroka sub konsep dari konsep asal kajian.

Pengetahuan ibu terhadap maklumat penyusuan dan kepentingan pemberian susu dalam jangkamasa satu jam selepas kelahiran berada pada tahap memuaskan. Namun maklumat mengenai kepentingan penyusuan awal dalam membantu involusi uterus dan manfaat kolostrum dalam membentuk antibodi tidak diberi perhatian. Risiko apabila tidak menyusukan bayi dengan susu ibu, dan kesan pemberian susu formula pada bayi juga tidak jelas. Dalam hasil dapatan kajian literatur ini, hanya tiga kajian yang menilai secara langsung berkaitan pengetahuan, sikap dan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja ( Elmougy et. al., 2018; Chekol et al., 2017). Namun kajian tersebut tidak menilai hubungkait antara pengetahuan dan sikap yang mempengaruhi praktis penyusuan.

Data dari literatur menerangkan bahawa ibu bekerja mempunyai pengetahuan yang baik mengenai penyusuan secara eksklusif iaitu memberi bayi hanya susu ibu tanpa sebarang makanan tambahan pada enam bulan pertama (Abekah-Nkrumah et al., 2020; Al-Darweesh et al., 2016; Elmougy et. al., 2018; Chekol et al., 2017; Khaliq et al., 2017; Osibogun et al., 2018; Sabin et al., 2017). Namun, data tentang pengetahuan manfaat penyusuan hanya terdiri dari beberapa fakta sahaja iaitu penyusuan membantu dalam pertumbuhan fizikal dan mental bayi, mengeratkan bonding antara ibu dan bayi (Abekah-Nkrumah et al., 2020) dan penyusuan eksklusif mempunyai kesan kontraseptif semulajadi dalam menjarakkan kelahiran (Abekah-Nkrumah et al., 2020). Kajian tidak menerangkan pengetahuan berkaitan risiko yang akan diperolehi kesan dari tidak menyusukan bayi dengan susu ibu (Brahm & Valdés, 2017) kerana fakta ini mampu memberi kesedaran tentang kepentingan penyusuan susu ibu secara eksklusif dari aspek kesihatan ibu dan bayi (Brahm & Valdés, 2017). Kebaikan susu ibu berbanding susu formula sememangnya telah diketahui (Al-Darweesh et al., 2016) namun maklumat mengenai kesan pemberian susu formula kepada bayi (Appleton et al., 2018) jarang dinyatakan. Perlunya kajian terhadap pengetahuan berkaitan kesan pemberian susu formula kepada bayi kerana maklumat ini mempunyai kaitan dengan risiko terhadap bayi yang tidak diberi susu ibu.

Tinjauan ini juga mengkaji sikap ibu bekerja mengenai penyusuan secara eksklusif berdasarkan data dari kajian lepas (Boralingiah et al., 2016a; Chekol et al., 2017; Dun-Dery & Laar, 2016; Osibogun et al., 2018; Sabin et al., 2017). Dalam kajian literatur ini sikap dikategorikan kepada sikap positif dan negatif (Chekol et al., 2017).

Sikap positif ibu terhadap penyusuan dikaitkan dengan jangkamasa penyusuan yang lebih lama dimana ibu mempunyai kecenderungan dalam penyusuan secara eksklusif (Osibogun et al., 2018) dan mempunyai peluang yang tinggi untuk berjaya dalam penyusuan. Sikap positif ibu berkaitan penyusuan yang dikenalpasti adalah penyusuan susu ibu menyumbang kepada tahap kesihatan yang menggalakkan, (Abekah-Nkrumah et al., 2020;),

Data berkaitan alasan ibu untuk tidak meneruskan penyusuan susu ibu secara eksklusif dikategorikan sebagai sikap negatif dinyatakan dalam beberapa kajian iaitu.merasa malu untuk menyusu terutama di tempat awam (Osibogun et al., 2018), merasakan susu tidak mencukupi, penyusuan sukar dan menyusahkan, serta gagal setelah mencuba (Elmougy et. al., 2018). Terdapat juga ibu bimbang berkaitan berat badan dan perlu mengamalkan diet tertentu untuk mengurangkan berat badan. Sebahagian kecil ibu menyatakan sibuk dan banyak tugas semasa berada di rumah (Elmougy et. al., 2018) Analisa daripada konsep dan sub konsep mendapati sikap wanita bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman mereka dalam penyusuan. . Sikap negatif terhadap penyusuan wujud apabila ibu kembali bekerja dan berhadapan dengan pelbagai cabaran pekerjaan.

Ibu bekerja mempunyai kesedaran dan niat yang tinggi untuk menyusukan bayi kerana manfaat yang diperolehi dari penyusuan, namun begitu praktis penyusuan susu ibu secara eksklusif adalah kurang dari 50% apabila ibu mula kembali bekerja (Elmougy et. al., 2018; Al-Darweesh et al., 2016; Aikawa et al., 2015). Kajian berkaitan faktor penurunan tidak dijelaskan secara terperinci dalam kajian sebelumnya.

Sintesis data berdasarkan konsep kajian literatur ini, pengkaji mendapati praktis penyusuan secara eksklusif juga dipengaruhi oleh sikap ibu terhadap penyusuan dan faktor lain yang mempunyai hubungkait dengan ibu. Sokongan keluarga memainkan peranan penting seperti penjagaan bayi dan pemberian susu perahan semasa ibu bekerja (Ratnasari et al., 2017). Persekitaran tempat kerja seperti masa kerja dan tempat perahan dan simpanan susu semasa kerja (Lisbona et al.,

2020) mempunyai pengaruh besar dalam kejayaan ibu bekerja mempraktikkan penyusuan eksklusif. Namun, belum ada kajian yang mengkaji berkaitan hubungkait antara pengetahuan, dan sikap ibu pengaruhi praktis penyusuan. |

## 5.0 KESIMPULAN

Hasil tinjauan daripada 16 literatur menunjukkan pengetahuan dan sikap ibu terhadap penyusuan eksklusif adalah memuaskan. Cabaran terhadap penyusuan eksklusif dikenalpasti setelah ibu mula kembali bekerja. Praktis penyusuan bagi ibu bekerja disifatkan sebagai mencabar akibat persekitaran tempat kerja yang tidak menyokong penyusuan dan ibu tidak dapat seimbangkan tanggungjawab penyusuan dan pekerjaan. Oleh itu kajian berkaitan cabaran penyusuan eksklusif bagi wanita bekerja adalah perlu untuk mengenalpasti faktor penurunan praktis penyusuan eksklusif apabila ibu kembali bekerja. Maklumat daripada kajian lanjut ini penting dalam merancang program promosi penyusuan susu ibu khusus bagi ibu bekerja.

### Limitasi

Tinjauan ini hanya menilai konsep yang tersedia dari kajian lepas dan tidak menilai hasil dapatan kajian tersebut. Untuk mendapatkan konsep yang jelas, kriteria pemilihan literatur dihadkan kepada hasil dapatan yang diukur menggunakan soal selidik dan temubual sahaja. Ini mungkin terdedah kepada bias.

### Cadangan

Kajian lanjut perlu dilakukan untuk meneroka hubungkait antara pengetahuan dan sikap yang mempengaruhi praktis penyusuan eksklusif. Perlunya kajian secara kualitatif bagi mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada kegagalan mencapai tahap penyusuan eksklusif seperti yang disarankan. Bagi mengelakkan bias dapatan tinjauan, cadangan supaya tinjauan diukur menggunakan kepelbagaian kaedah termasuklan secara tringulasi. Pihak yang terlibat dengan perancangan aktiviti, promosi dan kempen penyusuan susu ibu perlu memberi penekanan kepada maklumat berkaitan risiko tidak memberi bayi susu ibu, bahaya susu formula dan kesan penyusuan terhadap ekonomi keluarga

### Penghargaan

Pengarang merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia untuk sokongan yang berterusan dalam menyediakan kemudahan penyelidikan. Kajian ini mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia Universiti Sains Malaysia (USM/JEPeM/15040115). Kajian ini juga telah mendapat pembiayaan dan sokongan dana dari geran universiti (RU Grant USM: 1001/PPSP/8012225) dan Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu |

## REFERENCES

- Abekah-Nkrumah, G., Antwi, M. Y., Nkrumah, J., & Gbagbo, F. Y. (2020). Examining working mothers' experience of exclusive breastfeeding in Ghana. *International Breastfeeding Journal*, 15(1), 1–10. <https://doi.org/10.1186/s13006-020-00300-0>
- Aikawa, T., Pavadhgul, P., Chongsuwat, R., Sawasdivorn, S., & Boonshuyar, C. (2015). Maternal return to paid work and breastfeeding practices in Bangkok, Thailand. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 27(2), NP1253–NP1262. <https://doi.org/10.1177/1010539511419647>
- Al-Darweesh, F., Al-Hendyani, R., Al-Shatti, K., Abdullah, A., Taqi, M., Abbas, A., & Mitra, A. (2016). Knowledge, Intention, Practice, and Perceived Barriers of Breastfeeding among Married Working Women in Kuwait. *International Journal of Community & Family Medicine*, 1(1), 1–6. <https://doi.org/10.15344/2456-3498/2016/108>
- Al Sabati, S. Y., & Mousa, O. (2019). Effect of Early Initiation of Breastfeeding on the Uterine Consistency and the Amount of Vaginal Blood Loss during Early Postpartum Period. *Nursing & Primary Care*, 3(3), 2–7. <https://doi.org/10.33425/2639-9474.1108>

- Appleton, J., Laws, R., Russell, C. G., Fowler, C., Campbell, K. J., & Denney-Wilson, E. (2018). Infant formula feeding practices and the role of advice and support: An exploratory qualitative study. *BMC Pediatrics*, 18(1), 1–11. <https://doi.org/10.1186/s12887-017-0977-7>
- Arabi, R., Mamat, R., Abd Rashid, N., & Bakri, R. (2018). Working Mothers' Knowledge of Exclusive Breastfeeding in Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM). *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 16(01), 163–168. <https://doi.org/10.17576/jskm-2018-1601-20>
- Arksey, H., & Malley, L. O. (2005). Scoping Studies: Towards A Methodological Framework. 19–32.
- Bai, D. L., Fong, D. Y. T., & Tarrant, M. (2015). Factors Associated with Breastfeeding Duration and Exclusivity in Mothers Returning to Paid Employment Postpartum. *Maternal and Child Health Journal*, 19(5), 990–999. <https://doi.org/10.1007/s10995-014-1596-7>
- Brahm, P., & Valdés, V. (2017). Sociedad Chilena de Pediatría CIIInCal OveRvIew Benefits of breastfeeding and risks associated with not breastfeeding Beneficios de la lactancia materna y riesgos de no amamantar. *Benefits of Breastfeeding and Risks Associated with Not Breastfeeding*, 88(1), 15–21. [https://scielo.conicyt.cl/pdf/rcp/v88n1/en\\_art01.pdf](https://scielo.conicyt.cl/pdf/rcp/v88n1/en_art01.pdf)
- Brown, A., Rance, J., & Bennett, P. (2016). Understanding the relationship between breastfeeding and postnatal depression: The role of pain and physical difficulties. *Journal of Advanced Nursing*, 72(2), 273–282. <https://doi.org/10.1111/jan.12832>
- Chekol, D. A., Biks, G. A., Gelaw, Y. A., & Melsew, Y. A. (2017). Exclusive breastfeeding and mothers' employment status in Gondar town, Northwest Ethiopia: A comparative crosssectional study. *International Breastfeeding Journal*, 12(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/s13006-017-0118-9>
- Cripe, E. T. (2017). “You can't bring your cat to work”: Challenges mothers face combining breastfeeding and working. *Qualitative Research Reports in Communication*, 18(1), 36–44. <https://doi.org/10.1080/17459435.2017.1294615>
- Dun-Dery, E. J., & Laar, A. K. (2016). Exclusive breastfeeding among city-dwelling professional working mothers in Ghana. *International Breastfeeding Journal*, 11(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/s13006-016-0083-8>
- Elmougy, A.M., Matter M.K, Shalaby N.M, El-Regal M.E, Abu Ali W.H, Aldossary S.S, Elsherbeny E.E, and El-Saed A. 2018. “Knowledge, Attitude and Practice of Breastfeeding Among Working and Non-Working Mothers in Saudi Arabia.” *Egyptian Journal of Occupational Medicine* 42 (1): 133–50. <https://doi.org/10.21608/ejom.2018.4944>
- Erica H. Anstey, Meredith L. Shoemaker, Chloe M. Barrera, Mary Elizabeth O'Neil, Ashley B. Verma, and Dawn M. Holman. 2017.” Breastfeeding and Breast Cancer Risk Reduction: Implications for Black Mothers. HHS Public Access. *Physiology & Behavior* 176 (1): 1570–73. <https://doi.org/10.1038/s41395-018-0061-4>
- Horta, B. L., Loret De Mola, C., & Victora, C. G. (2015). Breastfeeding and intelligence: A systematic review and meta-analysis. *Acta Paediatrica, International Journal of Paediatrics*, 104, 14–19. <https://doi.org/10.1111/apa.13139>
- Khaliq, A., Qamar, M., Hussaini, S. A., Azam, K., Zehra, N., Hussain, M., & Jaliawala, H. A. (2017). Assessment of knowledge and practices about breastfeeding and weaning among working and non-working mothers. *Journal of the Pakistan Medical Association*, 67(3), 332–338.
- Lisbona, A. M., Bernabé, M., & Palací, F. J. (2020). Lactation and Work: Managers' Support for Breastfeeding Enhance Vertical Trust and Organizational Identification. *Frontiers in Psychology*, 11(February), 1–9. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.00018>
- Osibogun, O. O., Olufunlayo, T. F., & Oyibo, S. O. (2018). Knowledge, attitude and support for exclusive breastfeeding among bankers in Mainland Local Government in Lagos State, Nigeria. *International Breastfeeding Journal*, 13(1), 1–7. <https://doi.org/10.1186/s13006-018-0182-9>

Copyright: © 2023 The Author(s)

Published by Universiti Poly-Tech Malaysia

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>



- Polineni V, Boralingiah P, Kulkarni P, Manjunath R. A. (2016). Comparative Study of Breastfeeding Practices Among Working And Non-Working Women Attending A Tertiary Care Hospital, Mysuru. *National Journal of Community Medicine*. 7 (4):235-240
- Ratnasari, D., Paramashanti, B. A., Hadi, H., Yugistyowati, A., Astiti, D., & Nurhayati, E. (2017). Family support and exclusive breastfeeding among Yogyakarta mothers in employment. *Asia Pacific Journal of Clinical Nutrition*, 26(May), S31–S35. <https://doi.org/10.6133/apjcn.062017.s8>
- Rebeca Alvarez, Janet R. Serwint, David M. Levine, MD, Amanda Bertram and Maryam Sattari. (2015) “Lawyer Mothers: Infant-Feeding Intentions and Behavior.” HHS Public Access.” *Physiology & Behavior* 176 (3): 139–48. <https://doi.org/10.14423/SMJ.0000000000000277>
- Rita Surianee, Zaharah, S., Nik Hazlina, N.H., & Norhayati, M.N. (2022). Working mothers’ breastfeeding experience: a phenomenology qualitative approach. *BMC Pregnancy and Childbirth*, 22(1). <https://doi.org/10.1186/s12884-021-04304-4>
- Rollins, N. C., Bhandari, N., Hajeebhoy, N., Horton, S., Lutter, C. K., Martines, J. C., Piwoz, E. G., Richter, L. M., & Victora, C. G. (2016). Why invest, and what it will take to improve breastfeeding practices? *The Lancet*, 387(10017), 491–504. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(15\)01044-2](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(15)01044-2)
- Sabin, A., Manzur, F., & Adil, S. (2017). Exclusive breastfeeding practices in working women of Pakistan: A cross sectional study. *Pakistan Journal of Medical Sciences*, 33(5), 1148–1155. <https://doi.org/10.12669/pjms.335.12827>
- Spitzmueller, C., Wang, Z., Zhang, J., Thomas, C. L., Fisher, G. G., Matthews, R. A. & Lane Strathearn, (2016). Got milk? Workplace Factors Related to Breastfeeding Among Working Mothers. *Journal of Organizational Behavior*. 37, 692–718. <https://doi.org/10.1002/job.2061>
- Tahir, Muna J., Jacob L. Haapala, Laurie P. Foster, Katy M. Duncan, April M. Teague, Elyse O. Kharbanda, Patricia M. McGovern (2019) Association of Full Breastfeeding Duration with Postpartumweight Retention in a Cohort of Predominantly Breastfeedingwomen.. *Nutrients* 11 (4): 1–12. <https://doi.org/10.3390/NU11040938>..
- World Health Organizaton (2020). Infant and young child feeding.”(Last update 1 April 2020) . Disunting pada 27.4.2020 di laman web: <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/infant-and-young-child-feeding>

---

**Copyright: © 2023 The Author(s)**

Published by Universiti Poly-Tech Malaysia

This article is published under the Creative Commons Attribute (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>